

Kabinet Mahathir: Cabaran yang meniti harapan

UM 25 JUL 1991

TUAH ayam boleh dilihat, tuah manusia siapa yang tahu. Begitulah halnya dengan nasib yang menimpa Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Setelah dipecat dari menjadi ahli UMNO beberapa tahun lalu akhirnya muncul memegang teraju utama negara sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti.

Semuanya ini berlaku adalah kerana takdir Allah SWT yang menentukan untung nasib seseorang mengharungi hidupnya di muka bumi ini. Setiap insan tidak dapat menolak bila masa yang dijanjikan Allah SWT ke atas seseorang itu tiba pada saatnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir bolehlah dianggap paling bernasib baik kerana jejaknya di tangga Timbalan Presiden parti yang membawanya kepada jawatan Presiden tidak ditentang oleh sesiapa pun. Tidak sama halnya dengan Datuk Musa Hitam yang terpaksa bertarung untuk merebut jawatan Timbalan Presiden.

Seperti biasa sejak dari Allahyarham Tun Abdul Razak mengambil alih jawatan Perdana Menteri, membawalah kepada Tun Hussein

Dr. Mahathir pada suatu hari akan menjadi Presiden parti dan Perdana Menteri. Mungkin beliau sendiri tidak terfikir bahawa dirinya adalah

Razaleigh lebih dari kedudukan beliau sendiri. Malah dalam pemilihan tiga Naib Presiden di perhimpunan UMNO berikutnya Dr. Mahathir mendapat undi ketiga di belakang Tengku Razaleigh dan Encik Ghafar Baba.

Namun benih yang baik tercampak ke laut menjadi pulau, tercampak ke darat menjadi gunung. Dr. Mahathir terus mencapai kejayaan sekalipun jatuh bangunnya tetap mencemaskan. Begitu juga dengan apa yang berlaku terhadap diri Datuk Musa Hitam. Beliau telah dipecat oleh Tunku dari jawatan Menteri Muda di Jabatan Timbalan Perdana Menteri.

Tentu beliau sendiri tidak terfikir bahawa suatu hari beliau akan kembali ke Jabatan Timbalan Perdana Menteri

pinan parti selaku Yang Dipertua UMNO. Langkah mereka ini ditentang oleh seorang wakil dari Perak Encik Ghazali Jawi (sekarang Tan Sri, bekas Menteri Besar Perak). Beliau dengan lantang menyatakan sokongan ke atas pimpinan Tunku Abdul Rahman.

Apa yang dilakukan oleh Ghazali Jawi ini tidak berakhir di situ saja. Sebagai seorang pegawai rendah di Jabatan Taliair beliau memang sedar risikonya apabila balik semula ke Perak. Menentang ketua perwakilan samalah macam menentang ketua jabatannya kerana Dato Panglima Bukit Gantang ialah Menteri Besar Perak.

Risiko

Seperti yang diduga memang Ghazali Jawi

Demikian juga Datuk Musa, takdirilah yang telah membawanya ke tempat nombor dua dalam negara sekalipun beliau pernah menerima nasib yang sama dengan Dr. Mahathir. Inilah satu peringatan dari Allah S.W.T kepada manusia agar menilai sesuatu petanda baik atau buruk dariNya. Kerana bagaimana besar sekalipun kuasa yang ada di tangan, namun ada yang lebih berkuasa lagi dari kita.

Dengan kesediaan YBM Tengku Razaleigh menerima semula jawatan Menteri Kewangan dalam barisan kabinet Dr. Mahathir sesungguhnya memberi erti yang besar. Beliau telah mengeneipkan faedah diri sendiri dan lebih mengutamakan kepentingan negara serta rakyat.

Meskipun beliau telah kalah dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO, tetapi tidak seorang pun dari perwakilan UMNO yang hadir dalam perhimpunan itu

tidak mahu beliau memegang jawatan dalam kerajaan dan parti.

Masyarakat terbanyak berpendapat bahawa kesediaan Tengku Razaleigh menerima tawaran menyertai kabinet semu-

Onn dan sekarang Dr. Mahathir, ternyata segenap lapisan rakyat di negara ini menyambut baik perlintikannya. Kalau ada pun yang melahirkan rasa tidak senang hanya dari pihak pembangkang.

Beberapa ulasan dan komen telah dibuat oleh berbagai pihak sehubungan dengan lantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri. Saya tidak bermaksud untuk membuat komen mengenai peribadi Dr. Mahathir dalam rencana pendek ini. Tetapi sebagai seorang tokoh pejuang dan salah seorang pengasas UMNO di Kedah beliau telah melalui jalan-jalan penuh ranjau dalam menempuh liku-liku perjuangan pahit sebelum sampai ke kemuncak kekuasaan paling tinggi dalam negara.

Penentangan beliau terhadap Tunku Abdul Rahman sesudah pilihanraya 1969 hingga menyebabkan dirinya terpecat dari UMNO merupakan peristiwa yang banyak memberi pengajaran kepada perjuangan UMNO. Tidak siapa pun waktu itu boleh menduga bahawa

bakal memegang teraju negara.

Krisis

Dalam krisis UMNO sebelum peristiwa pemecatan terdapat tokoh-tokoh yang tersingkir sama ada dipecat atau pun keluar dari parti. Abdul Aziz Ishak misalnya terus tenggelam dalam arus politik selepas krisis 1963. Begitu juga Gharieb Raof, Muhd. Noor Ahmad, Baba Ludek dan beberapa lagi. Mereka tenggelam seperti kata pepatah 'takkan punggur (tunggul mati) bertunas balik.'

Tetapi Dr. Mahathir berjaya mengatasi pepatah tersebut. Ketika beliau mencadangkan Tengku Razaleigh menjadi Naib Presiden semasa menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO memperlihatkan beliau tidak terfikir akan menepati kedudukan demikian setelah mengalami proses kembali semula ke pangkuan UMNO sejak terpecat seahliannya.

Tentu beliau mengambil sikap menyatakan pandangannya untuk memberi tempat kepada Tengku

bukan sebagai Menteri Muda, tetapi lebih berat dari tugas tersebut iaitu menjadi orang nombor dua dalam parti dan kerajaan. Siapakah yang dapat menentukan Datuk Musa menjadi Timbalan Perdana Menteri selain dari Allah S.W.T.

Dalam hubungan ini saya teringat kepada satu peristiwa yang seakan-akan sama dengan peristiwa yang berlaku ke atas Dr. Mahathir ini. Ketika Tunku baru-baru mengambil alih pimpinan UMNO dalam tahun 1951 satu mesyuarat perwakilan UMNO Malaysia telah diadakan di Melaka. Dalam mesyuarat perwakilan ini UMNO Perak telah menimbulkan sesuatu yang kurang menyenangkan, kerana Dato' Panglima Bukit Gantang yang menjadi Ketua UMNO Perak yang bersikap menentang Tunku.

Wakil-wakil UMNO Perak ini telah menjadikan mesyuarat perwakilan ini forum politik untuk menyuarakan rasa tidak senang mereka terhadap Tunku Abdul Rahman yang baru saja memegang pucuk pim-

menanggung risikonya apabila menentang ketua perwakilan UMNO Perak, semata-mata mahu mempertahankan pimpinan Tunku Abdul Rahman. Beliau telah ditukarkan bertugas ke tempat lain dalam usaha mahu melenyapkan pimpinannya dalam UMNO Perak. Tetapi beberapa tahun kemudian, Ghazali Jawilah yang duduk di kerusi Menteri Besar Perak itu mengambil alih dari Dato' Panglima Bukit Gantang.

Inilah yang terjadi kepada Dr. Mahathir. Kalau satu waktu dulu beliau menentang Tunku hingga terpecat dari UMNO, tetapi sekarang beliau mengambil alih tempat Tunku baik dalam parti mahu pun kerajaan.

Di sini amat jelas bahawa manusia hanya dapat mentadbir tetapi takdir tetap di tangan Allah. Setiap insan amat lemah dan tidak berupaya menentang takdir itu. Memang sudah menjadi lumrah alam 'tuah tak tertikam dek kerana bawani' kerana kalau sudah bertuah badan, padi yang hampa boleh berisi.

la merupakan satu pengorbanan yang sangat besar dan sukar dilupakan. Rakyat telah menerima keputusan Tengku Razaleigh dengan rasa yang amat kagum.

Ditunda

Walaupun barisan kabinet Dr. Mahathir tidak banyak berubah, tetapi agak jelas membayangkan kabinet ini sebagai satu kabinet sementara menjelang pilihanraya akan datang. Perombakan yang dilakukan hanya di antara satu portfolio dengan portfolio yang lain saja.

Dengan melahirkan semula Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menampakkan kurang senangnya Dr. Mahathir terhadap pelaksanaan pembangunan yang pesat berjalan sama ada di dalam mahupun di luar bandar. Tidak sedikit peruntukan wang dalam rancangan pembangunan yang terpaksa ditunda-tunda.

Setakat ini terdapat penundaan dari Rancangan Malaysia Ketiga

kepada Rancangan Malaysia Keempat dalam beberapa perkara. Sudah tentulah Dr. Mahathir tidak mahu pula melihat rancangan pembangunan dari Rancangan Malaysia Keempat ditunda kepada Rancangan Malaysia Kelima.

Meletakkan Encik Sanusi Joned ke kementerian tersebut memperlihatkan hasrat Dr. Mahathir mahukan tenaga yang cekap dalam memperseimbangkan perbezaan yang terdapat di kampung-kampung

baru dan kampung-kampung tradisional. Di bawah kementerian ini termasuklah Jabatan Penyelarasan dan Pelaksanaan, begitu juga dengan lain-lain yang ada hubungan dengan pembangunan terutama sekali pembangunan kampung-kampung tradisi.

Sesuai

Kita tahu kampung-kampung baru yang terletak di bawah Kementerian Perumahan sebahagian besar

penduduknya adalah keturunan Cina, manakala kampung-kampung tradisi ini sebahagian besarnya adalah orang Melayu. Encik Sanusi ternyata satu-satunya tenaga yang sesuai dalam melaksanakan tugas berat ini.

Sekalipun pembangunan luar bandar sedang pesat berjalan, namun masih banyak lagi kemajuan-kemajuan yang belum dilaksanakan dan dibuat. Dalam bidang pembangunan ekonomi rakyat di kampung-kampung masih jauh ketinggalan.